

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 19**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina klinik kesihatan atau hospital di Wangsa Maju memandangkan populasi penduduk di Wangsa Maju adalah sekitar 800,000 orang tetapi tiada satu pun klinik kesihatan atau hospital di kawasan ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya mengambil maklum akan keperluan untuk membina sebuah klinik kesihatan di kawasan Wangsa Maju bagi menampung keperluan penduduk sekitarnya. Buat masa sekarang, penduduk Wangsa Maju mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Setapak yang beroperasi di Wisma Rampai, Taman Sri Rampai, di bawah kawasan Parlimen Setiawangsa. Dalam masa yang sama, KKM telah pun mempunyai sebuah tapak seluas dua (2) ekar di kawasan Wangsa Maju dan hasil semakan mendapati Klinik Kesihatan Jenis 2 sesuai untuk dibangunkan di atas tapak tersebut. Sehubungan dengan itu, KKM akan memohon pelaksanaan projek ini sebagai salah satu keutamaan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia ke Dua Belas (RMK-12) akan datang.

Sekian, terima kasih.